

Beberapa Aturan Adat

Suak Jempol

Bebberapa Aturan Adat

Suak Jempol

Kedatangan Datok Perpateh
Ke Negeri Sembilan

Dalam ceritanya dari mulut ke mulut bak orang sekarang secara lisan tiada dibukukan sebab pada masa itu belum ada bersekolah lagi hanya yang pandai sikit-sikit mengikut tulisan jawi dalam kitab-kitab. Kemudian dialeh satu huruf itu hingga menjadi satu nama misalnya nama sendiri, nama emak dan nama bapa. Begitulah seterusnya itupun orang ahli fikir saja yang boleh berbuat demikian. Kata ahli sejarah dizaman itu kedatangan Datok Perpateh ke negeri pada masa itu dipanggil Negeri Sembilan, pada masa itu dipanggil takluk Minangkabau lagi ialah dipertengahan kurun ke tiga belas lebih kurang. Bilakah masanya Wilayah Minangkabau wujud di Sumatra adalah cerita lain berbalek kepada Datok Perpateh dengan takdir illahi dalam suasa aman damai dengan pemerentahan adat yang dikembangkannya di negeri Padang Luas mengikut perbilangan adat resam dan susur galah yang ditetapkan oleh Datok Perpateh hingga sekarang ini.

Maka ayahandanya gering beberapa lamanya, tak dinyatakan dengan takdir tuhan maka ayahandanya pun mangkat dan bondanya pun mangkat, tiada diketahui tarikhnya disini. Kemudian daripada itu tinggallah ia tiga beradik yang tua Datuk Perpateh, yang tengah Datok Temenggong dan yang bongsu Puteri Sri Banun. Jadi tinggallah putera raja ini tiga beradik untuk mencari ganti raja di negeri Padang Luas ini, maka Datok Perpateh memanggil Tok Bendarha, wazir, hulu balang sekalian dan wakil-wakil kaum sekalian mesyuarat untuk mencari ganti ayahandanya. Maka semua yang hadir sebulat suara melantik Datok Perpateh menjadi Raja tetapi Datok Temenggong menolak sebab dia sendiri hendak menjadi Raja dengan sebab itu mesyuarat itu gagal. Jadi kata Datok Perpateh kepada hadirin sekalian minta bersabar sebab perkara ini sudah di pengetahuan saya sendiri, dia tidak mahu perpecahan diantara tiga beradik disatu masa kita cari jalan penyelesaian.

Kemudian daripada itu maka Datok Perpateh pun memanggil Datok Temenggong berunding tiga beradik, jadi Datok Temenggong tetap dengan pendiriannya. Kemudian itu Perpateh pun sekali lagi memanggil orang-orang yang berkenaan ke balai rong sri mesyuarat memutuskan hal ini. Bila hadir semuanya, Datok Perpateh pun mengeluarkan pendapat adindanya puteri Sri Banun menjadi raja negeri Padang Luas ini. Sekali lagi Dato' Temenggong menyangkal, katanya tak patut orang perempuan jadi raja. Maka Datok pun memberi syarat iaitu dikahwinkan dahulu dengan syarat itu maka Datok Temenggong pun bersetuju. Maka dicarilah anak raja dalam negeri Samudra, tiada dapat persetujuan. Maka Datok Perpateh pun meminang anak raja Hindi, langsung diterimanya. Pendek kata langsung dikahwinkan mengikut adat raja-raja dan ditabalkan menjadi raja. Kemudian daripada itu maka Datok Perpateh dan Datok Temenggong datang mengadap menyerahkan kuasa pemerintahan negeri Padang Luas kepada suami isteri adindanya, maka di jawap oleh Raja hindi iparnya menolak cadangan itu dengan alasan saya tidak tahu tentang adat istiadat disini dan Raja Hindi memulangkan pemerintahan negeri Padang Luas kepada kedua saudaranya.

Maka Datok Perpateh dan Datok Temenggong pun berbagi daerah memerintah mengikut adat masing-masing. Adat Perpateh perbilangannya alam berja luak berpenghulu, suku berlembaga anak-buah berbuapak, adat bertingga naik berjinjang turun, cincang berpampas, bunoh beri balas, tawar beli kopo bertaubat, sesat hujung jalan balik ke pangkal jalan. Adat Datok Temenggong bunoh balas bunoh, siapa berhutang orang itu bayar, siapa menjala orang itu terjun. Kemudian daripada itu tak berapa lama pemerintahan masing-masing, tak juga dapat amannya. Pardu takdir jadi satu perbalahan di antara Datok Perpateh dengan Datok temenggong sebabnya kerana anjing anak Perpateh menggigit anak Temenggong maka dipukul oleh Temenggong, anjing itupun patah. Maka ditanya oleh Perpateh mengapa dipukul anjing itu, mengikut adat engkau gigit balas gigit. Bila terdengar kata Perpateh itu maka Temenggong pun naik marah katanya, anjing mana boleh digigit maka timbulah perbalahan diantara dua beradik itu.

Maka dengan sebab itu pergilaah Perpateh dan Temenggong mengadap Raja meminta pengadilan yang saksama. Bila mendengar penerangan daripada kedua abang iparnya maka raja pun berkata ini bukanlah kesalahankekanda berdua. Hanya kesalahan adinda jua sebab satu negeri dua Raja huruhara, satu kapal dua nahkoda tumpah karam. Maka titah Raja eloklahkekanda berdua keluar mencari tempat yang sesuai membuka negeri. Selang dua tiga hari kemudian datang lagi Datok Perpateh dan Datok Temenggong mengadap Raja meminta buatkan bahtera dua buah untuk keluar negeri membawa untung masing-masing. Kalau untung sabut timbul, untung batu tenggelam kata Datok Perpateh. Kata Datok Perpateh serukan untung masing-masing. Kemudian daripada itu maka Raja pun bertitah kepada bendahara, hulubalang sekalian minta buatkan bahtera dua buah. Maka bendahara pun menyuruh rakyat jelata sekalian membuat bahtera dua buah itu di Bukit Siguntang. Setelah siap bahtera itu, Raja pun bertitah lagi kepada rakyat jelata sekalian berhimpun menyaksikan pelancaran bahtera itu bagi untuk mengucapkan selamat belayar kepada Datok Perpateh dan Datok Temenggong.

Akan bahtera Temenggong beserta pengikutnya telah dilancar dengan senangnya dan beritanya kemudian tiada diketahui lagi. Tetapi bahtera Datok Perpateh tidak dapat dilancarkan hingga beribu-ribu orang menolaknya, tiada bergerak sedikitpun. Segala pengikut-pengikut Perpateh daripada tiap-tiap suku sudah putus asa hingga sampai petang tiada berhasil. Maka Datok Perpateh pun balik kerumahnya dengan dukacitanya kerana kebuntuan bahteranya tidak dapat dilancarkan pada hari itu. Kemudian pada malam itu ia tidur bermimpi Datok Perpateh mendengar suara jikalau bahtera engkau hendak belayar dengan sempurnanya hendaklah digalangkan dengan perempuan bunting sulong. Jika tidak dapat disempurnakan tidak berjayalah pelayaran engkau. Pada keesokkan harinya maka Datok Perpateh pun mengadap Raja menyampaikan segala isi mimpiinya dan baginda Raja pun menitahkan kepada bendahara hulubalang sekalian mencari perempuan bunting sulong dalam negeri itu, tetapi dalam negeri Padang Luas itu seorang pun tiada yang bunting sulong melainkan diistana anak Datok Perpateh sendiri dan anak adindanya anak Puteri Sri Banun.

Maka titah Raja kepada anak Perpateh supaya sanggup menjadi penggalang bahtera ayahandanya tetapi anak Perpateh menjawap tak mahu, katanya mengikut undang-undang adat ayahnya anak diberi makan, anak buah disorong kebalas. Maka bertitah pula Raja kepada anaknya sendiri dan anaknya menjawap anakanda sanggup mati asalkan dapat menebus maruah bapa saudaranya dari pada malu kepada rakyat sekalian. Maka bondanya Tuan Puteri Sri Banun tidak dapat menahan betapa hancur lebur hatinya bila mendengar kata anakandanya itu tetapi walau bagaimana pun titah Raja tidak dapat dielakkan lagi. Setelah mustaid semuanya, saat yang ditunggu-tunggu untuk pelancaran bahtera Perpateh maka puteri Raja pun digalangkan dibawah bahtera itu lengkap dengan dikapankan sekali. Dengan takdir Allah yang maha kuasa keatas hambanya maka bahtera Datok Perpateh dengan isinya dilancarkan diatas penggalang anak saudaranya, anak tuan puteri Sri Banun bunting sulong itu tiada apa mara bahayanya kerana bahtera itu melompat tiada mengenakan batang tubuh puteri itu. Sebaik-baik sahaja bahtera itu dilancarkan, puteri yang digalangkan itu me-lahirkan putera laki-laki. Maka berita ini disampaikan kepada Datok Perpateh maka Datok Perpateh pun menitahkan diberi nama anak itu Menggalang sebab ia menjadi penggalang bahtera atoknya.

Dalam pelayaran itu Datok Perpateh singgah dibeberapa tempat iaitu Siak, tak ada meninggalkan orangnya. Kemudian di Muar Bukit Kepong ia meninggalkan orangnya dari suku Tiga Batu ketuanya Laksamana dan mudik lagi mengikut Sungai Muar berhenti di Pasir Besar dan meninggalkan orang suku Biduanda disana dan terus keulu Muar dan berhenti sekejap disatu tempat kerana menakak datarnya yang bernama Latek Tajul Layang Takoknya bernama Selok Pelangi, sampai sekarang tempat itu dinamakan Pelangi. Kemudian daripada itu Datok Perpateh meneruskan perjalannya lagi mengikut jalan dalam darat pula hingga sampai disebuah bukit yang sekarang bernama Bukit Tempurong di kawasan Kampung Tengah sekarang. Setelah itu Perpateh dengan segala pengiringnya mencari air bila sampai di satu tempat pengiringnya terjumpa dengan serumpun padi tiga peringkat iaitu tinggi, sedang dan rendah. Lalu berita itu disampaikannya kepada Perpateh dan Datok Perpateh menegaskan padi itu ialah Seri yang menanti kita.

Maka disinilah Datok Perpateh mula-mula bertapak membuka negeri. Lama kelamaan diberinya nama tempat itu Sri Menanti. Diberinya makna padi itu yang tinggi ialah Raja, yang sedang ialah Penghulu dan yang rendah ialah Lembaga. Maka diperintah-kannyalah segala orang-orangnya menebang, menebas dijadikan kampong halaman, sawah dan ladang. Dalam keadaan itu timbullah keputusan api maka Perpateh menyuroh orang-orangnya cari api mana-mana yang ada api dan tempat yang ada api itu dinamakannya Pilah, hingga sampai sekarang sebab terjadi begitu, pada zaman itu orang-orang hanya menggunakan unggul sahaja. Kalau nak merabitkan api sangat susah kerjanya, kena mencari batu yang cukup keras dua ketul kemudian ditekehkan dianatara tepi batu itu dinanti dengan selaput tukeh yang cukup kering. Maka selaput itulah dijadikan umpan bila sudah hidup itulah kegunaan hari sampai berbulan-bulan bahkan bertahun, jika padam sangatlah seksanya.

Dalam masa menebang, menebas ada perkara ganjil terjadi. Mereka menebang pokok Angga Bisa namanya, Sungguh hairan sudah rebah pokok itu tetapi pada esoknya tumbuh kembali. Peristiwa ini sangat mendukacitakan, langsung mereka menyampaikan kepada Datok Perpateh. Maka Datok Perpateh menyuroh menjemput pawang negeri dan pawang negeri pun menjalankan tugasnya cara berpawang maka baharulah pokok itu tiada tumbuh kembali selepas ditebang. Hingga sekarang kampong ini dinamakan kampong Angga Bisa dikawasan Ulu Pilah. Pada masa ini dalam pada itu Datok Perpateh mencari tepatan bak katanya dagang bertepatan, chingechang berlandasana maka berjumpalah olehnya seorang pembesar kaum iaitu di Johol yang memakai adat bersalasilah. Ini yang dinamakan orang asli negeri ini sebabnya kaum-kaum ini dahulu lagi daripada Perpateh. Pembesarnya bergelar Batin Jenang dan Majakerah. Batin itu maknanya Raja dalam kaum-kaum itu. Jenang itu penghulunya, Majakerah itu lembaganya dan kaum-kaum ini datangnya daripada negeri Semudra juga. Bila datangnya tidak ada yang dapat menentukannya.

Johol itu Johol yang ada sekarang maka perhubungan Datok Perpateh dengan Batin Johol bertambah erat, baik penduduknya begitu juga. Maka Datok Perpateh pun mengembara lagi sampai ke Naning, tiada berjumpa ketuanya maka ditinggalkannya orang-orang dari suku Sri Melenggang dan Tiga Batu disitu dengan seorang menjadi ketuanya. Sesudah itu Perpateh berjalan lagi menuju ke satu tempat belum berapa ramai orangnya, dinamakannya tempat itu Kelang. Maka Perpateh meninggalkan orangnya dari suku Sri Lemak menjadi ketuanya membuka negerinya disitu. Maka Perpateh berpatah balik kebelakang lantas ke Sungai Ujong lalu berjumpa dengan batin disitu dan berkedimlah ia seperti batin di Johol juga. Sudah itu Perpateh berjalan lagi sampai ke Jelebu begitu juga persahabatannya dan berjalan lagi sampai ke Rembau, berjumpa dengan batin Rembau. Demikian jugalah persahabatannya dan terus balik ke Sri Menanti dan disinilah baharu dia mengubal adat perpateh.

Mulanya dia membuat perbilangan daripada awal pelayarannya sehingga sampailah mengatur adat bermasyarakat alam beraja, luak berpenghulu, suku berlembaga, anakbuah berbuapak dan juga pantang larang dalam adat hingga sampai dia ghaib. Disini ditinggalkannya dahulu perbilangan itu. Berbalik kepada perhubungan dengan batin-batin, semuanya sangat erat dan untuk menyatukan adat dan istiadat adat dalam takloknya. Maka semuanya menyanjung tinggi segala adat istiadat yang dibawa oleh Datok Perpateh itu, maka terdirilah adat perpateh dan biduanda yang sebenarnya. Suku biduanda itu bukanlah dari keturunan Sakai dan Jakun yang dikatakan oleh penjajah. Orang ini sememangnya ada pada masa itu tapi tak bertamaddun langsung dan cakapnya pun tidak dapat difahami oleh Datok Perpateh dan orang-orang Batin semua. Yang sebenarnya kata Datok Perpateh orang-orang ini datangnya dari Samudra juga.

Kemudian daripada itu, maka Datok pun menjemput datok-datok batin dan orang-orang besar dari Naning, Kelang dan Bukit Kepong dan rakyat sekalian berhimpun di kampung Angga Bisa untuk menyusun adat istiadat yang adat bernegeri iaitu alam beraja luak berpenghulu, suku berlembaga anak buah berbuapak, orang semenda bertempat semenda, adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabbulah iaitu mengikut benar yang empat iaitu benar orang, benar awak, benar adat, benar syarak. Inilah dia jejak bertapak adat perpateh yang dikatakan dianjak layu, dicabut mati. Yang kedua adat yang diadatkan umpamanya mendirikan adat satu pesaka datar, berumpok seorang satu, berluak-luak masing, hak orang jangan diambil, hak awak jangan diberikan. Yang ketiga adat istiadat pakaian masyarakat umpamanya adat istiadat meminang, adat istiadat nikah kahwin, adat istiadat kenduri kendara dan banyak yang lain-lain lagi. Ini berdasarkan adat bertangga naik berjinjang turun dan boleh diubah-ubah mengikut peredaran zaman.

Didalam perhimpunan ini dihadiri oleh dua ahli adat, dua ahli syarak berserta mudin, pawang dan bidan. Maka disini lah adat benar empat iaitu benar orang benar awak, benar adat benar syarak, adat mengempang adat alahannya. Kalau ditinggalkan benar empat ini kelaut tumpah karam, kedarat siar bakar, tak patah tiek, tak pekong jingkek. Kemudian daripada itu Datok Perpateh pula mengeluarkan satu cadangan kepada Batin sekalian, melantik ketua agongnya. Jadi Perpateh juga yang dipersetujui oleh rakyat jelata dan batin-batin sekalian. Perpateh tidak menolak. Kemudian daripada itu Datok Perpateh membuat terombo adat, adat susur galar daripada dia mula-mula meneroka di Sri Menanti sampailah keperbilangan alam beraja luak berpenghulu, suku berlembaga anak buah berbuapak, orang semenda bertempat semenda. Soko iaitu perempuan warisan harta. Baka iaitu laki-laki berwariskan pesaka, adat satu pesaka datar, berumpok seorang satu, berhak masing-masing, hak orang jangan diambil, hak awak jangan diberikan kek orang. Ini termasuk dalam tiang sendi adat bak adat dianjak layu dicabut mati.

Kemudian daripada itu adat yang diadatkan umpamanya adat kenduri kendara, adat menjemput pengantin, adat pinang meminang, adat menjemput orang yang beradat dan lain-lain lagi yang semuanya adat mengkiang namanya. Satu lagi adat mensiang namanya iaitu adat istiadat namanya iaitu tambahan kepada adat umpamanya istiadat menjemput, istiadat meminang dan lain-lain lagi. Ini semua berdasarkan adat bertangga naik berjinjang turun, adat atas muafakat, muafakat atas buatan. Keputusannya diatas benar yang empat. Kalau tidak mengikut benar yang empat bukan adat perpateh namanya. Kemudian daripada itu maka sekalian rakyat jelata dan segala pembesar negeri beserta batin-batin sekalian sebulat suara menerima dan mengamalkan adat perpateh di wilayah masing-masing. Pada zaman itu belum wujud lagi nama Negeri Sembilan hanya dikatakan taklok Minangkabau sahaja. Dalam pada itu Datok Perpateh membuat perbilangan adatnya sendiri iaitu diberi nama oleh orang ramai perbilangan adat perpatih disini, bukan dikatakan sebagai terombo hanya kurnia daripada Datok Perpateh kepada rakyat jelata supaya tiap-tiap seseorang hendaklah mengetahuinya. Didalam perbilangan ini banyak pecahannya seperti ibarat-ibarat, kiasan-kiasan dan lain-lain lagi dan apabila takloknya sudah meluas maka Datok Perpateh sebagai ketua adat pada masa itu berkata kepada batin-batin dan pembesar-pembesar didalam takloknya ada lagi tambahan dalam pesaka adat untuk melicinkan didalam pentadbiran hingga sampai menjadi satu negeri.